

03 SEP 2001

SISTEM MERIT TAK DILAKSANA SEPENUHNYA MASA INI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak akan mengenakan sistem merit sepenuhnya kepada pelajar-pelajar yang ingin memasuki universiti pada masa ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu mengambil kira juga pengurangan kemasukan pelajar Melayu ke universiti jika sistem itu dikenakan sepenuhnya, jadi kita akan melaksanakannya peringkat demi peringkat supaya pengurangan itu tidak keterlaluan," katanya.

Kerajaan perlu meningkatkan tahap kelulusan pelajar itu sebelum mereka dapat diterima masuk ke universiti dalam usahanya untuk meningkatkan pencapaian pelajar Melayu, kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Dalam pada itu, kata Dr Mahathir, kerajaan juga akan menentukan ajaran agama yang diberikan di universiti-universiti adalah benar-benar pelajaran agama, dan tidak mengandungi unsur-unsur politik, kempen membenci kerajaan dan sebagainya.

Beliau berkata, majlis tertinggi hari ini mendengar taklimat daripada biro pendidikan parti mengenai masalah pelajaran dan kedudukan pelajar Melayu di universiti-universiti tempatan.

"Setelah dibincang memanglah keadaannya tidak begitu baik... kita juga membincangkan cara-cara sistem merit akan dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

SR AFY NMO